

05 FEB 2000

Ghani-Kubu

JOHOR MASIH KUBU PERPADUAN DI NEGARA INI, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 5 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata keputusan pilihan raya umum November lepas menunjukkan bahawa Johor masih merupakan "kubu perpaduan" di negara ini.

Katanya, semangat kerjasama yang erat dan sikap toleransi di kalangan masyarakat majmuk di Johor yang wujud sekian lama masih terus kekal dan ini merupakan faktor penyumbang kejayaan cemerlang Barisan Nasional (BN) di negeri ini.

Menurutnya, ada sesetengah pihak yang mengatakan bahawa rakyat Johor tidak pandai terutamanya dalam membuat pemilihan pada pilihan raya umum lepas dan pandangan sedemikian adalah cetek.

"Kita tidak bodoh...malah Johor ialah antara negeri yang paling maju di negara ini," katanya ketika menghadiri rumah terbuka Persekutuan Tionghua Johor Baharu dan Persatuan-persatuan Cina Johor Baharu sempena Tahun Baru Cina di Sekolah Menengah Foon Yew di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata sikap perpaduan dan persefahaman yang ditunjukkan oleh pelbagai kaum di Johor selama ini amat dihargai dan diharap ia dapat terus menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negeri ini.

Pada pilihan raya umum November lepas, BN menyapu bersih kesemua 20 kerusi parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri di Johor.

Abdul Ghani berkata beliau menghargai segala sumbangan yang dicurahkan oleh Persekutuan Tionghua Johor Baharu selama ini dan melahirkan terima kasihnya kerana masyarakat Cina menghargai segala kejayaan yang dicapai di bawah pemerintahan BN.

"Sokongan anda membuktikan anda menghargai segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Pada majlis itu, Abdul Ghani juga mengumumkan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM100,000 kepada Kolej Selatan di sini.

-- BERNAMA

MKO AKD